

## **Persidangan Institut Pengajian Dasar 'Asean yang kuat bantu anggota saingi kuasa lebih besar'**

**Berita Harian**, 29 January 2019

ASEAN yang kuat boleh melindungi anggotanya daripada kesan persaingan antara kuasa lebih besar.

Justeru, walau beberapa pertikaian timbul antara anggotanya dari masa ke masa, adalah penting bagi negara-negara di Asia Tenggara untuk terus bersatu, kata Encik George Yeo, mantan Menteri Ehwal Luar Singapura (gambar atas).

Menekankan demikian dalam ucapannya di sidang Perspektif Singapura 2019: Singapura.Dunia semalam, Encik Yeo, berkata:

"Kelembutan dalam cara Asean (menangani masalah) mempermudah usaha mencari huraian bagi masalah sukar.

"Pertemuan yang kerap diadakan antara pemimpin, menteri dan pegawai juga memberi kedudukan tinggi bagi persahabatan dan sifat bertolak ansur," kata Encik Yeo, bercakap sebagai anggota panel yang membincangkan kedudukan Singapura di dunia.

Panel itu dipengerusikan oleh Duta Kelana Profesor Tommy Koh.

Encik Yeo memberi contoh pertikaian sempadan antara Thailand dengan Kemboja berhubung kuil Preah Vihear - yang dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa(ICJ) dan telah dihuraikan; konflik etnik di wilayah Rakhine di Myanmar; dan isu ruang udara dan kelautan antara Singapura dengan Malaysia baru-baru ini, sebagai perkara yang tidak seharusnya menjelaskan perpaduan antara negara-negara Asean.

Menurut Encik Yeo, perihal penting Asean yang kuat kepada Singapura tidak boleh diremehkan.

"Ia (Asean) memperluas pengaruh bersama kita (negara-negara anggota) dalam rantau lebih besar," kata Encik Yeo yang berkata Asean begitu penting dalam pembentukan dasar luar Singapura.

Dalam pada itu, rundingan bagi menghuraikan perang dagangan antara Amerika Syarikat dengan China dijangka berjaya kerana China "akan memenuhi sehingga 80 peratus permintaan Amerika" kata Encik Yeo.

"Ia bukan kerana mereka takut atau bersifat murah hati, tetapi mereka tahu masa menyebelahi mereka, kata Encik Yeo, bercakap kepada 1,200 peserta sidang yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS) itu.

"Mereka tahu, dalam setiap bidang, mereka sedang maju secara perlahan, mengikut kekuatan sendiri," tambah Encik Yeo.

Namun, kata Encik Yeo, persaingan antara kedua kuasa besar itu akan berterusan sehingga Amerika yakin China bersifat berbeza daripada dirinya sendiri atau Soviet Union, sesuatu proses yang memakan masa.

China juga perlu memainkan peranan untuk menyakinkan negara lain bahawa ia berpandukan cara pengurusan yang defensif.

Menurut Encik Yeo, 11 negara yang disatukan di bawah perjanjian perdagangan Perjanjian Progresif dan Menyeluruh bagi Kerjasama Rentas Pasifik (CPTPP) - edisi kedua perjanjian selepas Amerika menarik diri - boleh mendesak China untuk menyertai perjanjian itu bagi menggalak Amerika menarik balik keputusannya.

"TPP yang melibatkan China adalah satu masalah bagi Amerika," kata Encik Yeo.